

# SIDANG PARLIMEN

## Bukan Tempat Ceramah Politik

**RAMAI yang mahu melihat sama ada kehadiran 82 wakil pembangkang di Dewan Rakyat akan memanaskan suasana Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama, Parlimen Ke-12. Suasana pada hari pertama sesi soal jawab lisan persidangan Dewan Rakyat pada 30 April lalu seolah-olah menepati jangkaan. Suasana kecoh menyebabkan soalan pertama hanya dapat dikemukakan selepas 20 minit sesi itu. Kini mesyuarat pertama semakin menemui penghujung, iaitu berakhir pada 27 Mei ini. Untuk melihat perjalanan mesyuarat sepanjang tempoh itu, wartawan Berita Minggu, Ziauddin Sharuddin, bertemu Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia.**

### SOALAN

Bagaimana Tan Sri melihat perjalanan persidangan kali ini, mulai hari pertama hingga kini?

Pada hari pertama sesi soal jawab lisan, timbul kekecohan hingga mencetuskan komen seluruh lapisan masyarakat yang melihat peristiwa itu melalui siaran langsung RTM. Sejak itu hingga sekarang, tanggapan masyarakat persidangan akan terus kecoh adalah meleset. Saya dapati dari sehari ke sehari, persidangan berjalan lancar kecuali sekali-sekala timbul ketegangan berikutan hujah Ahli Parlimen, sama ada dari kerajaan atau pembangkang yang tidak digemari. Mungkin perkataan yang digunakan melampaui batas peraturan seperti kurang sopan atau tuduhan liar. Apabila ini berlaku, memang akan disambut spontan oleh pihak lain. Jika diucapkan oleh BN, pembangkang akan membalas secara spontan. Begitu juga sebaliknya.

### SOALAN

Apakah ada perbezaan berbanding sebelum pembangkang memiliki 82 wakil?

Berdasarkan kekecohan yang timbul, memang ada perbezaan. Contohnya ramai wakil pembangkang akan berdiri apabila berlaku kekecohan. Kalau dulu ada empat lima orang, sekarang mungkin 18 atau 20 yang berdiri. Perbezaan itu memang ketara, tetapi di mana-mana Parlimen pun akan berlaku kekecohan kalau sesuatu yang dibahaskan itu menggamit minat kedua-dua belah pihak.

### SOALAN

Bagaimana pula dengan kualiti Ahli Parlimen baru, sama ada BN atau pembangkang ketika sesi perbahasan serta menyoal?

Saya melihat kebanyakan mereka pandai berhujah. Soalan yang diketengahkan juga mantap. Bagaimanapun, ruang masih luas untuk memperbaiki kualiti ini. Ini memerlukan mereka membuat penyelidikan dan menyampaikan hujah dengan teliti dan tenang. Walaupun membuat cukup penyelidikan, kemungkinan melakukan kesilapan tetap ada kerana mereka belum mendengar penjelasan orang lain mengenai perkara yang dibangkitkan. Saya mengambil keadaan ketika ketua pembangkang menyoal Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pertahanan (Datuk Seri Najib Razak) mengenai harga kapal selam yang dibeli oleh India dan Malaysia terlalu jauh berbeza, sedangkan mengikut sumber ketua pembangkang, spesifikasi hampir sama.

Timbalan Perdana Menteri menjawab dengan cara baik, iaitu beliau berkata, tidak boleh membandingkan epal dan oren. Kalau





hendak dibandingkan mesti epal dengan epal. Betul bahawa kapal selam adalah sama, tetapi komponennya berbeza. Beliau tidak boleh menyatakan komponen itu kerana ini soal keselamatan. Apabila mendengar dua pendapat dilonggokkan, rakyat boleh membuat perbandingan. Apakah tuduhan bahawa RM500 juta itu adalah wang komisen atau tidak? Jawapan itu boleh memberi penjelasan kepada persoalan yang selama ini ditimbulkan. Sama ada pihak yang bertanya percaya atau tidak? Pihak (rakyat) yang mendengar tentu dapat membuat penilaian. Sebagai Yang di-Pertua (YDP) Dewan Rakyat, kualiti perbahasan yang dikehendaki adalah cara halus dan berhemah.

### SOALAN

**Berdasarkan kriteria Yang di-Pertua, apa yang sepatutnya ada pada Ahli Parlimen?**

Apabila masuk ke dalam Dewan, masing-masing mesti menganggap mereka adalah wakil rakyat tanpa mengira parti yang diwakili, sama ada kerajaan atau pembangkang, memikul amanah yang sangat berat. Hujah mesti bernas kerana Peraturan Mesyuarat tidak membenarkan mengeluarkan fakta atau seolah-olah membuat kenyataan bahawa sesuatu itu adalah fakta, sedangkan kita tahu bahawa itu bukan fakta. Apabila melakukan begitu, dia sebenarnya menghina majlis kerana memesongkan fakta yang sepatutnya diketahui. Saya melihat perkara yang merosakkan hujah bernas ialah apabila Ahli Parlimen mengaitkan dengan soal politik. Contohnya apabila pembangkang bercakap bahawa tsunami politik sudah berlaku. Cerita begini sepatutnya dilakukan ketika ceramah politik. Jangan bawa dalam Dewan Rakyat! Bukankah tahu bahawa yang pembangkang, apa pun kerajaan cakap tidak akan didengar. Bagi kerajaan, apa pun yang pembangkang kata, tidak dipercayai. Malah apabila menteri menjawab soalan, ada juga Yang Berhormat (YB) pembangkang tidak puas hati. Sama

ada bersetuju atau tidak dengan jawapan menteri, dia terpaksa terima kerana semua itu direkodkan dalam *hansard*. Kalau menteri memberi jawapan tidak logik, orang yang mendengar, Ahli Parlimen dan pemerhati boleh menilai kewibawaan menteri, sama ada dia berbohong atau cuba mencari jalan bahawa dia dapat menjawab. Ada menteri yang berpengalaman luas apabila ditanya, semua pertanyaan dapat dijawab dengan cara baik dan memberi kepuasan kepada orang yang menyual yang kadang-kadang tersipu-sipu kerana sebelum itu menganggap bahawa pertanyaannya tiada jawapan sebenar.

Kualiti itu yang saya nampak seperti seorang YB menyual mengenai perkara yang pada pendapatnya seorang diri tiada jawapan, sedangkan kepada kerajaan, setiap tindakan adalah untuk kepentingan umum. Bagaimanapun, umum bukan bermaksud dapat memenuhi 100 peratus kehendak setiap 27 juta rakyat.

Dalam kes PLKN (Program Latihan Khidmat Negara), ada YB mahu PLKN dihentikan. Berdasarkan perbahasan itu, PLKN ditubuhkan berdasarkan skop yang luas, iaitu untuk kepentingan remaja seperti memupuk sikap disiplin. Berbanding negara lain seperti Singapura yang dilaksanakan sebagai mandatori, kita berbeza kerana secara sukarela. Itu adalah persoalan dasar. Apabila dasar itu dipersoalkan oleh kerana enam atau tujuh orang meninggal dunia dan dijadikan alasan untuk menamatkan PLKN, saya nampak pendapat itu bercanggah apabila kerajaan memikirkan soal umum, manakala pendapat pihak satu lagi memikirkan kepentingan ibu bapa yang kehilangan anak.

Apabila YB mendesak dan mendesak, itu yang menimbulkan ketegangan kerana YB yang berbahas di sebelah kerajaan boleh bercakap seperti jika kepentingan negara tidak diutamakan, tidak perlu ada tentera kerana apabila menyertai tentera, sudah tentu risikonya adalah tembak-menembak

atau peperangan.

Untuk mewujudkan suasana yang amat baik, sebelum berdiri dan bertanya, fikir dulu adakah soalan itu adalah wajar dan boleh diterima secara umum.

### SOALAN

**Berdasarkan kriteria ini, adakah Ahli Parlimen memenuhi harapan itu?**

Saya tahu ada di kalangan Ahli Parlimen yang mempertikaikan pemikiran saya, tetapi ruang masih luas untuk mereka perbaiki. Dalam kes ISA (Akta Keselamatan Dalam Negeri), ada yang mahu ISA dimansuhkan hingga mereka ditegur oleh YDP, Ahli YB sudahlah itu. Bukankah ISA sudah berpuluh-puluh tahun bersama kita. Ini adalah Sidang Parlimen Ke-12. Apabila seorang YB berkeras mahu ISA dimansuhkan hingga apabila ditegur YDP, tidak juga mahu duduk, ini bukan sifat seorang YB yang sanggup menghadapi kenyataan. Setakat ini, pendirian kerajaan adalah ISA membantu negara kerana selepas peristiwa 13 Mei 1969 hingga sekarang, tiada pertumpahan darah.

### SOALAN

**Mengapa kelihatan bukan semua YB menyertai perbahasan dan soal jawab, malah boleh dikatakan berlegar di kalangan kelompok tertentu?**

Memang kita nampak ada beberapa Ahli Parlimen yang bercakap dengan lancar tanpa sebarang nota. Ada juga YB yang jika tidak membaca nota, tidak yakin. Tetapi saya tidak beranggapan bahawa mereka tidak memberikan pendapat. Memang berhujah memerlukan bakat. Ada yang apabila diganggu masih dapat berhujah dengan baik. Ada yang apabila diganggu, kelancaran berhujah hilang.

Saya tengok beberapa YB baru dapat berbahas dengan baik dan kita boleh mendapat idea bernas daripada mereka. Bagaimanapun, ucapan dan idea bernas apabila bercampur aduk dengan soal politik akan menimbulkan ketegangan hingga mesej yang akan diketengahkan hilang begitu saja.

Umpamanya saya perhatikan Ahli Parlimen Lembah Pantai (Nurul Izzah Anwar) apabila berucap, semua ucapannya yang menyentuh Kementerian Pelajaran adalah mengenai pelajaran dan tidak bercampur politik seperti 'saya menang kerana kerajaan sombong'. Begitu juga dengan Ahli Parlimen



Jerlun (Datuk Mukhriz Mahathir) yang apabila bercakap tidak mencampur aduk politik. Ini bermakna tidak memberi ruang kepada orang lain untuk membantah.

#### SOALAN

[Tan Sri mahu Ahli Parlimen bertanya soalan hanya berdasarkan fakta?](#)

Ya! Soalan begitu walaupun membosankan. Sebagai YDP, paling elok ialah apabila masuk dalam Dewan Rakyat, mereka harus meninggalkan ceramah politik di luar. Dalam ceramah politik, tidak ada pengerusi dan tidak ada pendapat kita yang orang lain berdiri dan meminta penjelasan. Dia berucap dengan sewenang-wenang. Dalam Dewan Rakyat, perbahasan dipandu oleh Peraturan Mesyuarat. Tanggungjawab Ahli Parlimen ialah membantu YDP, sama ada saya atau timbalan supaya persidangan berjalan lancar. Apabila berhujah, Ahli Parlimen tahu pandangannya akan ditentang hebat pihak satu lagi. Oleh itu, mengapa mengeluarkan pendapat begitu. Jika fakta yang dikeluarkan adalah baik, tiada siapa boleh menyanggah.

Contohnya, seorang YB bangun berdiri dan berkata 'orang yang tidak menyokong saya adalah kurang beriman'. Mungkin ketika ceramah politik yang dihadiri penyokong, tiada bantahan tetapi apabila dituturkan di Dewan Rakyat, Peraturan Mesyuarat menyatakan ini adalah sangkaan jahat. Tidakkah YB terfikir hujah begitu akan ditentang dan mencatatkan ucapannya yang sebelum itu cantik.

#### SOALAN

[Pada hari pertama sesi soal jawab lisan dan dalam beberapa kes selepas itu, Tan Sri terpaksa menegur berulang kali dan ada yang berdegil tidak mahu mendengar?](#)

#### Bagaimana Tan Sri menghadapinya?

YDP mesti ada kesabaran kerana sama ada mereka tahu Peraturan Mesyuarat atau tidak, apa saja tafsiran YDP mengikut Peraturan Mesyuarat adalah muktamad. Jika YB terus berdiri dan berkata itu dan ini, dia ingkar dan mencatatkan perjalanan mesyuarat. Bukan hanya YDP, setiap YB bertanggungjawab memastikan mesyuarat berjalan lancar. Barang kali apa yang belum mereka terima ialah mengenai *Point of Order*. Apabila seorang YB sedang bercakap, seorang YB lain berdiri dan menyatakan *Point of Order*, ia bermaksud untuk menarik perhatian YDP, iaitu 'Tuan YDP, ada cacat cela mesyuarat ini'.

YDP bertanya apakah cacat cela itu soalan dia kemudian menyebut cacat cela itu. Bagaimanapun, ada YB sengaja menggunakan *Point of Order* untuk mengganggu persidangan. Ini tidak dibenarkan. Contohnya pada 30 April lalu apabila YB Bukit Gelugor (Karpal Singh) yang pada 2004 dikenakan tindakan penggantungan kerana perkara yang sama.

#### SOALAN

[Masih ada Ahli Parlimen yang tidak faham?](#)

Bukan tidak faham, tetapi berpura-pura cakap dia tidak faham. Bukankah dia seorang peguam terkemuka di Malaysia.

#### SOALAN

[Dalam kes yang seperti Tan Sri katakan sebagai 'sengaja'. Bagaimana Tan Sri boleh bersabar?](#)

Orang yang duduk di sini (YDP) mesti penuh kesabaran. Apabila tidak sabar, saya terpaksa menggunakan kuasa dan ini tidak elok kerana saya berfikir bahawa sebagai YDP, mesti seperti pengadil bola sepak. Walaupun permainan cantik antara dua pasukan yang hebat, jika pengadil meniup wisel setiap lima minit, permainan menjadi tidak lancar. Pengadil hanya meniup wisel apabila ada pemain melanggar undang-undang permainan.

Dalam persidangan, seorang YB yang berucap ibarat sedang membawa bola. Seorang YB lain yang cuba mengganggu adalah melanggar peraturan. Begitu juga apabila YB yang diganggu memberi

lalu, tetapi apabila ditanya dengan baik, dia melemparkan perkataan kurang sopan. Persoalan saya ialah mengapakah seorang YB yang berkhidmat selama 26 tahun dalam Dewan Rakyat dan pernah digantung kerana perkara yang sama sanggup mengganggu mesyuarat. Saya pun tidak boleh jawab. Soalan ini harus ditanya kepadanya. Mungkin mahu mencuba bahawa saya tidak tahu itu. Kalau begitu, niatnya tidak baik. Bagi saya, itu bukan sifat seorang YB yang harus diundi dan disimpan (dikekalkan) oleh rakyat kerana dia tahu fakta. Tetapi masih berkeras dan mengganggu persidangan hingga 15-20 minit, sedangkan tahu bahawa kerajaan membazirkan duit untuk itu. Apakah itu sifat YB yang bertanggungjawab?

Saya bersyukur masih dapat bersabar, tidak menggunakan kuasa terhadapnya dan menangguhkan mesyuarat. Saya boleh bertindak dengan berkata: 'Ahli YB, saya menangguhkan Dewan Rakyat selama 10 atau 15 minit' supaya semua sejuk. Apabila saya buat begitu, sedangkan saya sedar ketika itu ada siaran langsung, bukankah itu suatu kerugian kepada negara. Sebab itu apabila dia (Karpal) berkata 'saya sudah berkhidmat selama 26 tahun', saya kata saya tahu, tetapi mengapa 26 tahun itu tidak digunakan untuk manfaat Dewan Rakyat.

#### SOALAN

[Adakah Tan Sri berasa bersikap adil kepada YB kerajaan dan pembangkang?](#)

Saya memberi kenyataan kepada semua pihak bahawa saya bukan YDP Barisan Nasional. Saya adalah YDP Dewan Rakyat yang dimiliki oleh semua wakil rakyat. Ini bermakna sikap kesaksamaan dapat dilihat kepada tindakan yang saya buat. Saya tidak boleh condong kepada mana-mana pihak kerana apabila ini berlaku, saya sendiri melanggar amanah. Jika tidak adil, saya tidak bertanggungjawab. Malah tengah hari tadi (sebelum ditemu bual), pemimpin Parti Keadilan Rakyat berkunjung dan berpuas hati kerana setakat ini tidak ada kepincangan yang mereka nampak atau saya serta timbalan menyebelahi mana-mana pihak.

\* *Temuramah ini dipetik daripada Berita Minggu pada 18 Mei 2008.*

# Bawa Dimensi Baru CPA

Oleh AHMAD FAUZI MUSTAFA

*Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia*

**MALAYSIA** terus gah di pentas politik antarabangsa. Kali ini, negara kita menerajui 57 anggota negara Parlimen Komanwel (CPA) apabila Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif bagi tempoh tiga tahun, sekali gus membuktikan kewibawaan dan keupayaan ahli Parlimen negara ini di peringkat dunia.

Ini selaras dengan prinsip Parlimen Malaysia dalam membawa sistem demokrasi berparlimen kelas pertama. Kejayaan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan dilihat sebagai langkah proaktif dalam memperkasakan sistem demokrasi kepimpinan tinggi buat harapan dan masa depan CPA.

Sepanjang 10 hari Persidangan Parlimen Komanwel Ke-54 di Kuala Lumpur, persaingan telah dijangka sengit antara Mohd. Shafie yang berdepan dengan anggota House of Lords, United Kingdom, Lord Paul of Marylebone yang merupakan anggota Parti Buruh sejak 1996. Keputusannya, Shafie memperoleh 152 undi manakala Lord Paul hanya mendapat 102 undi.

Mohd. Shafie yang juga Pengerusi CPA Bahagian Malaysia dan Rantau Asia Tenggara sejak 2004, menggantikan Hashim Abdul Halim yang merupakan Speaker Dewan Perhimpunan Bengal Barat, yang tamat tempoh perkhidmatannya selama tiga tahun. Sejarah CPA menyaksikan setiap pertandingan adalah dalam suasana keluarga dan hampir 70 tahun CPA diterajui oleh United Kingdom iaitu sejak CPA diwujudkan pada 1911.

"Hanya sejak tiga tahun lepas, CPA dipimpin pengerusi dari India (Bengal Barat), jadi ramai yang berpandangan sudah sampai masanya Asia Tenggara

juga diberi peluang memimpin di peringkat antarabangsa," kata Mohd. Shafie dengan wajah yang ceria. Ini kali pertama Malaysia mencalonkan wakil bagi jawatan Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif CPA dan satu harapan besar dipertaruhkan. Mohd. Shafie berkata, beliau akan melakukan yang terbaik untuk mengangkat martabat negara, tidak akan menghampakan negara dan wilayah yang diwakili. Tanggungjawab yang paling berat adalah membetulkan persepsi negatif negara luar terhadap Malaysia.

Di samping itu, beliau berjanji akan melaksanakan tugasnya dengan adil dan mengetengahkan isu-isu mengenai kemiskinan di kalangan negara anggota serta kesaksamaan gender sebagai visi dalam menentukan hala tuju persatuan itu. Beliau juga akan mengetengahkan pelaksanaan pelan Strategik CPA 2008-2012 yang digariskan termasuk meningkatkan budaya penggunaan teknologi seperti komputer di kalangan generasi muda.

Presiden CPA ke-54 yang juga Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Pandikar Amin Mulia menganggap pemilihan Mohd. Shafie sebagai kejayaan manis buat negara, malahan ia dianggap boleh memberi dimensi baru kepada CPA dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Beliau juga turut menyentuh betapa Persidangan CPA ke-54 ini memberi pengalaman berharga kepada Ahli Parlimen Malaysia untuk mempelajari dan meningkatkan kemahiran berbahasa mereka dalam persidangan Dewan Rakyat.

"Menerusi perkongsian maklumat dan pertukaran jalinan kerjasama di kalangan Ahli Parlimen Komanwel, saya berharap ahli Parlimen kita telah



**Y.B. Dato' Seri Mohd Shafie Apdal**

mempelajari kemahiran berbahasa secara berkesan," kata Pandikar Amin.

Sepanjang Persidangan CPA ke-54 yang berakhir Sabtu lalu (9 Ogos 2008), pelbagai perkara penting dibangkitkan dan diangkat dalam satu ketetapan di bawah satu bumbung negara-negara Komanwel bahawa setiap ahli Parlimen hendaklah memainkan peranan aktif dalam mengetengahkan idea dan pelaksanaan yang membawa kepada perkara-perkara yang menguntungkan khususnya kepada golongan rakyat jelata. Umpamanya, topik paling hangat mendapat perhatian dan dibincangkan ialah berhubung krisis makanan global, selain isu perubahan iklim, peningkatan suhu global dan kemusnahan alam sekitar.

Setiausaha Agung CPA, Dr. William F. Shija dalam ucapannya pada sesi pleno persidangan, ada menyebut krisis makanan dunia mempunyai kaitan dengan isu perubahan iklim dan mempunyai implikasi serius terhadap pembangunan dan keselamatan di seluruh dunia.

"Perubahan iklim menjadikan pertanian, terutama di negara membangun, tidak dapat diramalkan dan tidak produktif.

“Pertanian tidak produktif akan menyebabkan kebuluran yang kadangkala mendorong keganasan dan tidak selamat. Namun, penebangan hutan dan pemusnahan sumber air terus berleluasa, terutama di negara Komanwel yang miskin,” jelas Shija.

Menurut beliau, data Bank Dunia dan Jabatan Pembangunan Antarabangsa UK (DFID) menunjukkan harga makanan ditentukan oleh pertumbuhan permintaan terhadap makanan, perubahan dalam corak pengambilan makanan ekoran pertumbuhan kelas menengah, penggunaan bijiran bagi biofuel, daya saing pasaran, peningkatan kos input pertanian terutama tenaga, kekurangan air dan tanah.

Dalam mencapai Matlamat Pembangunan Milenium (MDG One) menjelang 2015, kemiskinan dan kebuluran menjadi fokus utama.

“Terdapat keperluan menjalin perkongsian antara pelbagai blok dunia dan agensi untuk melabur dalam pertanian bersama penyelidikan yang dijalankan.

“Apa yang dicadangkan di sini ialah perancangan, strategi dan sasaran bagi perubahan iklim serta pembasmian kemiskinan dan

kebuluran bukan mudah untuk dicapai tanpa perkongsian serantau yang kukuh dan perkongsian global yang ikhlas seperti ditetapkan dalam MDG Eight Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang kita anggotainya,” kata Shija.

Di samping itu, soal gender turut disentuh yang mana anggota Parlimen lelaki digesa turut memainkan peranan penting dalam membanteras keganasan terhadap wanita. Oleh kerana majoriti ahli Parlimen adalah lelaki, mereka mesti berperanan dalam memperjuangkan persamaan gender dan membanteras keganasan termasuk keganasan rumah tangga terhadap wanita.

Presiden Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Anggota Parlimen Wanita Komanwel (CWP), Datuk Dr. Ng Yen Yen berkata, adalah juga menjadi tanggungjawab anggota Parlimen daripada kaum wanita untuk mengajak rakan sejawatan lelaki mereka untuk bersama membasmi ketidaksamaan gender yang terhasil daripada keganasan terhadap wanita.

“Bagi sesetengah daripada kita, tugas ini bukan mudah. Namun saya percaya jika kita tidak dapat

memujuk dan mempengaruhi rakan kita yang lain di Parlimen, tugasnya akan menjadi lebih sukar untuk membawa perubahan kepada keseluruhan masyarakat di kawasan kita,” katanya.

Dalam mesyuarat Bahagian Kecil Negara-Negara Komanwel pula, soal liberalisasi pasaran antarabangsa disentuh, menjadikan negara Komanwel miskin kini bersungguh-sungguh untuk bersaing dalam pasaran antarabangsa akibat sumber yang terhad.

Negara-negara tersebut dengan penduduknya kurang 500,000 orang sangat bergantung kepada pasaran antarabangsa disebabkan sumber domestik yang terhad. Kadar kemajuan dan rangkaian liberalisasi pasaran antarabangsa memerlukan perhatian oleh kerana kerugian daripada cukai perdagangan.

Atas landasan itu, beberapa delegasi mengesyorkan negara membangun Komanwel membantu negara kecil dengan membangkitkan isu ini untuk dibincangkan dengan Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Kerjasama antarabangsa seperti Deklarasi Peringkat Menteri Doha 2001 dan melalui Sekretariat Komanwel menyebabkan penubuhan sebuah kemudahan tetap untuk negara-negara kecil dan usaha bersama rantau juga sangat signifikan. Persidangan CPA ke-54 kali ini bertema ‘Memperluaskan Peranan Parlimen Dalam Masyarakat Global: Alam Sekitar, Pembangunan dan Keselamatan’.

Persidangan kali ini yang dihadiri kira-kira 800 delegasi dari 57 negara anggota Komanwel itu berlangsung di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Tanzania dipilih sebagai tuan rumah persidangan CPA ke-55 tahun depan.

\* Penulis ialah merangkap Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kecil Publisiti dan Media CPA Malaysia. Artikel ini telah disiarkan dalam akhbar Utusan Malaysia pada 12 Ogos 2008



Y.B. Dato' Seri Mohd Shafie Apdal

Isu Semasa:  
MASALAH PENGANGGURAN SISWAZAH

# Program Penempatan Dalam Industri\*

## Memantapkan Modal Insan

Oleh MUSTAFAR RAMDZUAN ZAKARIA  
Pegawai Penyelidik Parlimen Malaysia

**MASALAH** pengangguran di negara kita kian membimbangkan. Kadar pengangguran negara pada tahun 2007 ialah 3.7% atau 351,400 orang berbanding 3.3% pada tahun 2006. Bagitu juga dengan masalah pengangguran di kalangan siswazah yang kini telah menjadi masalah nasional. Bilangan penganggur siswazah yang berdaftar dengan Sistem Pemadanan Kerja atau Job Clearing System (JCS) sehingga 15 Mei 2008 telah mencapai 75,108 orang siswazah. Bilangan siswazah yang menganggur sebenarnya lebih tinggi lagi dengan mengambil kira yang tidak berdaftar dengan JCS dan yang bekerja sambilan. Bilangan penganggur mengikut tahap akademik menurut JCS adalah seperti bertikut:

TAHAP AKADEMIK	JUMLAH
Ijazah Kedoktoran	7
Ijazah Sarjana	325
Ijazah Pertama	21,688
Diploma	18,266
<b>Jumlah</b>	<b>40,286</b>

Pengangguran di negara ini adalah berpunca antaranya kerana pencari pekerja tidak mempunyai kemahiran dan kelayakan yang diperlukan majikan, sikap terlalu memilih kerja, kurang minat bekerja di luar atau jauh dari tempat tinggal dan mementingkan kadar gaji yang tinggi.

Lambakan siswazah menganggur ini adalah berpunca daripada kegagalan graduan bersaing dalam pasaran pekerjaan terutamanya masalah kekurangan *soft-skill* dan *hard-skill* seperti kelemahan dan kekurangan dalam kemahiran berkomunikasi, Bahasa Inggeris dan kelemahan dari segi ICT yang diperlukan oleh industri. Bilangan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang terus meningkat pantas tak selari dengan pertumbuhan pekerjaan juga menyumbang bilangan siswazah menganggur.

Kesan dari pengangguran siswazah ini adalah Kerajaan tidak dapat memanfaatkan modal insan sedia ada, graduan pula tidak dapat menjana ekonomi dan menjelaskan pinjaman pelajaran, tidak dapat menaikan taraf keluarga dan kemungkinan mengundang gejala sosial tidak sihat jika berterusan dalam jangka panjang. Setiap tahun lebih 30,000 graduan dilahirkan tetapi berapakah peluang pekerjaan yang dapat diwujudkan sama ada di sektor awam mahu pun swasta?

Kerajaan melalui beberapa Kementerian telah mengambil langkah-langkah yang proaktif bagi mengurangkan



■ Gambar Hiasan

kadar pengangguran dan membantu siswazah untuk mendapatkan pekerjaan. Kementerian Sumber Manusia (KSM) menyediakan sistem Bursa Pasaran Buruh atau *Electronic Labor Exchange* (ELX) untuk memadamkan kekosongan pekerjaan. KSM juga telah memperbanyakkan program Karnival Pekerjaan (Job Carnival) yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja bagi menemukan pencari kerja dan majikan. Setiap tahun KSM mengadakan 13 Karnival Pekerjaan di peringkat negeri dan 95 Mini Karnival Pekerjaan di peringkat daerah.

Kementerian juga mengadakan kerjasama dan dialog dengan industri dan institusi pengajian tinggi/latihan bagi menentukan keperluan sebenar industri. Selain itu, kementerian membuat penyebaran maklumat pekerjaan melalui *Career Information System* (CIC) di laman web Kementerian. Sementara itu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) pula menawarkan Skim Usahawan Siswazah. Pembiayaan disediakan melalui MARA, Yayasan Tekun dan SME Bank. Manakala, Kementerian Pertanian dan Asas Tani pula menawarkan program Skim Siswazah Tani. Pembiayaan pinjaman melalui Agro Bank disediakan.

Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa mengadakan hubungan akrab dengan pihak industri untuk membuka ruang dan peluang kepada graduan untuk mendapatkan pekerjaan. Institut Pengajian Tinggi (IPT) juga mengorak

langkah dengan menyediakan pelbagai program bagi melengkapkan diri siswazah menghadapi dunia sebenar seperti latihan praktikal, latihan industri dan program sangkutan yang melibatkan pemarkahan.

Satu lagi program perintisan yang dapat membantu untuk memantapkan siswazah sebagai modal insan bagi memudahkan untuk mendapatkan pekerjaan seterusnya mengatasi masalah pengangguran adalah melalui Program Penempatan Dalam Industri (PPDI). Program ini adalah program latihan industri selepas pelajar menamatkan pengajian di IPT berbeza dengan latihan praktikal ataupun latihan industri bagi memenuhi kurikulum yang membabitkan pemarkahan. PPDI adalah langkah perancangan strategik bukan sahaja untuk menempatkan graduan untuk mengikuti latihan industri tetapi membuka peluang untuk menempatkan graduan dalam pekerjaan dan syarikat yang kemungkinan sukar menerima graduan Bumiputera.

Program ini adalah berdasarkan *Dual System* yang telah lama diamalkan di Jerman terbukti telah berjaya memacu negara itu menjadi negara perindustrian yang amat disegani. PPDI wajarlah diinisiatifkan oleh IPTA dan agensi-agensi kerajaan seperti MARA, dewan perniagaan dan Yayasan Negeri seterusnya bekerjasama dengan industri untuk melahirkan tenaga kerja yang sesuai dan berkebolehan bagi memenuhi keperluan industri dalam menjana pertumbuhan ekonomi dan

dalam masa yang sama melahirkan dan memantapkan modal insan dan mewujudkan peluang pekerjaan.

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui MARA melalui Unit R & D telah ke hadapan dengan memperkenalkan Program Penempatan Dalam Industri ini sejak 1995 dengan kerjasama Malaysian German Chamber of Commerce (MGCC). Beberapa syarikat Jerman di Malaysia menyertai program ini seperti Siemens dan Steadler. Pelatih yang mengikuti program ini termasuklah lulusan dari Institut Kemahiran Mara (IKM), German Malaysia Institut (GMI) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM). Perkongsian bijak antara MARA dan industri di mana MARA berperanan memilih pelatih dan membayar elaun latihan perantisan manakala industri menyediakan tempat. Modul latihan dibangunkan bersama antara MARA dan Industri dengan asas untuk memantapkan kebolehan dan kemahiran pelatih serta menepati keperluan dan kehendak industri. Program ini mengambil masa 6 hingga 12 bulan. Setelah menamatkan latihan kebiasaannya pelatih terus diambil bekerja oleh industri. Program ini terbukti berjaya untuk meningkatkan kepakaran siswazah dan membuka peluang untuk mendapatkan pekerjaan.

Kementerian Sumber Manusia melalui Perbadanan Sumber Manusia Berhad (PSMB) pernah melaksanakan Skim Latihan Graduan (SLG I, II dan III) pada tahun 2001 hingga 2006 yang mengambil pendekatan yang sama dengan Program Penempatan Dalam Industri. Hasilnya 60.4% hingga 74.0% graduan yang mengikuti program ini berjaya mendapatkan pekerjaan.

Kementerian Pengajian Tinggi telah menggalakkan kerjasama antara IPT dan industri melalui Program Sangkutan Latihan Industri dan Program Internship. Kementerian juga mengambil langkah bekerjasama dengan syarikat swasta, syarikat berkaitan kerajaan dan badan berkanun antaranya Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Bank Negara Malaysia, Khazanah Nasional Berhad, Multimedia Development Corporation, Syarikat IBIL Malaysia Sdn. Bhd, Quebec Integrated Group,

Infosys Technologies Limited dan Satyam Private Limited dan Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC) bagi program penempatan pelajar. Pada masa ini syarikat membayar elaun kepada pelajar-pelajar yang mengikuti latihan internship. Kerajaan menyediakan dana peruntukan RM80 juta bagi menampung pelajar yang tidak mendapat elaun dari industri. Bagaimana pun, maklumat mengenai dana ini amat terbatas. Tidak ramai graduan mahupun IPTA dan industri yang mengetahui. Oleh itu, Kementerian wajarlah menyebarkan maklumat mengenai program ini.

Kementerian Pengajian Tinggi pada dasarnya telah pun melaksanakan program ini. Antaranya, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah menjalinkan hubungan dalam program latihan industri bukan sahaja dari industri tempatan tetapi juga luar negara. Universiti Teknologi Malaysia (UTM) seawal tahun 80-an pernah menghantar pelajar kejuruteraan petroleum menjalani latihan industri di Indonesia dan beberapa buah negara di Timur Tengah. Keperluan untuk menjalinkan hubungan dengan industri luar negara adalah penting kerana tahap teknologi dan kepakaran luar negara lebih tinggi, perubahan dan peningkatan teknologi pantas dan budaya kerja bertaraf dunia yang akhirnya dapat dimanfaatkan oleh graduan. Satu lagi inisiatif yang harus dipuji adalah langkah Universiti Putra Malaysia (UPM) apabila memeterai perjanjian bersama Jobmarket Malaysia Sdn Bhd (Jobmarket) bagi membolehkan graduan mengikuti program seumpama ini. Univesiti Utara Malaysia (UUM) telah beberapa tahun mengadakan Program Penempatan Dalam Industri ini khususnya dengan industri luar negara. Sekadar memeberikan beberapa contoh bahawa program latihan industri telah pun dijalankan oleh IPT.

Bagitupun pengukuhan dan pemantapan Program Penempatan Dalam Industri adalah penting untuk melonjakkan lagi pencapaiannya. Manfaat Program Penempatan Dalam

Industri ini dari segi jangka pendek dan jangka panjang amatlah jelas ia itu membantu menambah nilai graduan dengan meningkatkan kebolehan dan kecekapan serta penyesuaian dengan suasana pekerjaan seterusnya meningkatkan mutu dan kualiti hasil pengeluaran. Bagitupun, perancangan dan langkah-langkah yang lebih tersusun perlu diambil, antaranya:

1. Kerajaan mewujudkan pelan induk (*blue print*) bagi perancangan, pelaksanaan dan pengawasan Program Penempatan Dalam Industri ini secara bersepadu dengan kementerian terbabit seperti Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi dan Kementerian Pertanian dan Asas Tani, Universiti/IPT, badan professional dan industri.
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) yang mendapat peruntukan RM100 juta dalam Perbekalan Tambahan 2008 sewajarnya menimbangkan bagi melaksanakan semula program Skim Latihan Graduan (CLG) dengan pendekatan yang lebih menjurus kepada Program Penempatan Dalam Industri dan tidak terbatas kepada latihan kemahiran sahaja.
3. Kementerian Pengajian Tinggi mengambil inisiatif bagi menjalinkan hubungan yang lebih akrab antara universiti/IPT dengan industri (dalam dan luar negara) supaya lebih ramai graduan yang dapat mengikuti program ini dan menarik minat lebih banyak penyertaan industri.
4. Pembabitan yang aktif badan-badan professional seperti Institut Jurutera Malaysia (IEM), Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) dan Lembaga Pembangunan dan Industri Pembinaan (CIDB). Badan-badan professional ini boleh menjadi ahli lembaga

penasihat yang amat penting bagi memastikan objektif dan matlamat program ini tercapai.

5. Mewujudkan pusat sehati bersepadu antara kementerian bagi Program Penempatan Dalam Industri ini termasuklah menyediakan pengkalan data yang kemaskini supaya dapat memberi manafaat kepada graduan, universiti/IPT dan industri.
6. Kerajaan menyediakan dana khas yang mencukupi bagi memastikan Program Penempatan Dalam Industri dapat dijalankan dengan industri dalam dan luar negeri dengan memastikan pengagihan yang lebih jelas dan terurus.
7. Penyelidikan yang berterusan bagi Program Penempatan Dalam Industri bagi meningkatkan keberkesanan dan kemantapan program ini. Oleh itu, Kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Pengajian Tinggi menyediakan dana penyelidikan yang khusus bertujuan mengukuhkan kerjasama R &D, perundingan, pengurusan projek dan harta intelek.

Kesimpulannya, masalah pengangguran siswazah sewajarnya ditangani dengan bersungguh-sungguh. Salah satu langkah strategik adalah melalui Program Penempatan Dalam Industri yang terbukti telah mencapai banyak kejayaan bukan sahaja memantapkan graduan sebagai modal insan tetapi membuka peluang untuk mendapatkan pekerjaan. Peruntukan dana yang besar untuk sesuatu program tidak semestinya menjanjikan kejayaan tetapi dana yang mencukupi tetapi diuruskan dengan amanah, berhemah, dan bertanggung jawab sudah memadai untuk mencapai kejayaan yang dapat dinikmati beberapa generasi masa depan.

\* Rujukan: Pertanyaan-pertanyaan bagi jawapan lisan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia : PR-1211-L12102 (21/5/2008), PR-1211-L12540 (5/5/2008), PR-121-L11311 (6/5/2008), PR-1211-L11306 (13/5/2008), PR-1212-L14328 (2/7/2008)